

Pelanggan yang dihormati,

Lembaran Maklumat Produk (PDS) ini memberikan anda maklumat penting tentang Business Cash Line-i. Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia membantu, anda juga harus membacanya.

1 APAKAH ITU BUSINESS CASH LINE-i (BCL-i)

Business Cash Line-i merupakan produk pembiayaan pusingan yang direka untuk pelanggan bukan individu bagi memenuhi keperluan modal kerja mereka. Kemudahan ini ditawarkan pada kadar berubah-ubah di mana bayaran bulanan dikira setiap hari berdasarkan jumlah pembiayaan yang digunakan. Sila ambil perhatian bahawa Bank mungkin mengenakan Kadar Lantai untuk bahagian yang tidak digunakan seperti yang diperincikan di bawah seksyen 4. Bank mungkin mengubah kadar berubah-ubah dari semasa ke semasa berdasarkan perubahan pada Kadar Pembiayaan Asas (BFR) Bank dengan syarat jumlah bayaran tidak melebihi Harga Jualan Bank.

Kontrak Syariah yang berkenaan ialah Tawarruq yang terdiri daripada dua kontrak jual beli. Yang pertama melibatkan pelanggan membeli komoditi daripada Bank Islam (sebagai ejen pembelian pelanggan) secara Murabahah (kos tambah jualan) pada Harga Jualan Bank Islam. Seterusnya, Bank Islam (yang bertindak sebagai ejen jualan pelanggan), menjual komoditi tersebut kepada pihak ketiga pada harga kos secara tunai dan spot, dan hasilnya diberikan kepada pelanggan. Pelanggan mesti membayar Harga Jualan Bank Islam mengikut terma yang dipersetujui.

2 KETAHUI KEWAJIPAN ANDA

Bagi pembiayaan ini, sebagai ilustrasi:

- Had Kemudahan Anda = **RM1,000,000.00**
- Tempoh Kemudahan Anda = **1 tahun**
- Kadar Keuntungan Siling = **15% (setahun)**
- Harga Jualan = **RM1,083,099.72**
- Kadar Keuntungan Efektif = ***BFR (5.47% (setahun)) + 1.50% (setahun) = 6.97% (setahun)**

Nota: Kemudahan BCL-i tidak boleh menawarkan ansuran bulanan tetap kerana jumlah bayaran berubah mengikut tahap penggunaan oleh pelanggan. Oleh itu, memandangkan baki akan meningkat atau berkurang dengan setiap pengeluaran atau bayaran balik, keuntungan dan bayaran bulanan juga akan berubah.

*BFR diandaikan pada 5.47% setahun manakala spread pada 1.5% setahun. Sila rujuk laman web Bank Islam <https://www.bankislam.com/deposit-financing-rates/> untuk BFR terkini.

Anda bertanggungjawab untuk:



Baca dan fahami **terma-terma utama** dalam **kontrak** sebelum anda menandatangani.



Bayar **ansuran bulanan** anda tepat pada masanya berdasarkan **jumlah penggunaan** dalam tempoh **setahun**. Amaun prinsipal hendaklah dibayar sepenuhnya pada tarikh matang.



Pastikan anda mampu **membayar ansuran yang lebih tinggi** sekiranya BFR meningkat.



Segera hubungi kami jika anda tidak dapat membayar ansuran bulanan anda.

Anda perlu membayar yuran dan caj berikut:

- I. Duti setem: 0.5% daripada amaun pembiayaan.
- II. Fi ejen: RM50.
- III. Yuran pemprosesan (hanya terpakai untuk bukan SME).
- IV. Yuran Guaman: Yuran guaman dan pengeluaran (*disbursement*) termasuk yuran peguamcara untuk menyediakan dokumentasi pembiayaan, pendaftaran gadaian, carian tanah dan carian muflis (jika berkenaan).
- V. Pembatalan kemudahan: Semua kos yang ditanggung oleh Bank Islam, jika ada, untuk penyediaan, pendaftaran dokumen cagar dan perbelanjaan yang ditanggung semasa proses tuntutan semasa pembatalan.
- VI. Caj lewat bayar: 1% setahun ke atas ansuran tertunggak.

Nota: Sila rujuk laman web kami di www.bankislam.com untuk maklumat lanjut mengenai yuran dan caj.

Jika anda berhasrat menyelesaikan pembiayaan lebih awal, anda perlu tahu:

Tiada 'Lock in period' bagi kemudahan ini dan Bank Islam akan memberikan Ibra' (rebat) ke atas keuntungan tertanggung setelah penyelesaian penuh dibuat.

3 KETAHUI RISIKO ANDA

Apakah yang akan berlaku jika anda mengabaikan kewajipan anda:

- I. Anda perlu **membayar lebih secara keseluruhan** disebabkan oleh caj lewat bayar (caj ganti rugi/ Ta'widh).
- II. Kami boleh **menolak** wang daripada mana-mana akaun anda yang ada dengan kami bagi menolak selesai baki pembiayaan anda yang tertunggak.
- III. Kami boleh **mengambil tindakan undang-undang** dan **melaksanakan semua hak serta remedi** yang tersedia di bawah perjanjian cagar.

- IV. **Skor kredit** anda mungkin akan terjejas menyebabkan kredit menjadi lebih sukar atau mahal kepada anda.
 V. Mencetuskan kemungkiran bersilang terhadap kemudahan lain dengan Bank Islam.

4 SYARAT UTAMA LAIN

- Kadar Keuntungan Efektif (EPR) Bank yang ditawarkan mungkin berubah-ubah semasa tempoh pembiayaan untuk kemudahan dengan kadar berubah-ubah. Peningkatan BFR boleh mengakibatkan bayaran bulanan yang lebih tinggi. Walau bagaimanapun, EPR dan Kadar Lantai Bank tidak boleh melebihi Kadar Siling.
- Kadar Lantai ialah satu peratus (1%) setahun yang akan dikira setiap hari ke atas had BCL-i yang tidak digunakan. Kadar Lantai ini akan dikenakan kepada anda semasa tempoh pembiayaan tertakluk kepada perkara berikut:
 - I. Terpakai untuk had pembiayaan RM250,000.00 dan ke atas.
 - II. Boleh dikenakan ke atas akaun dengan penggunaan kurang daripada lima puluh peratus (50%) daripada had pembiayaan yang diluluskan selepas tamat tempoh tangguh tiga (3) bulan setelah pengaktifan kemudahan atau pembaharuan kemudahan.

Walaupun apa pun yang dinyatakan di atas, tertakluk kepada penilaian kami dan dengan notis terlebih dahulu yang mencukupi kepada anda, kami boleh mengetepikan Kadar Lantai pada bila-bila masa semasa tempoh kemudahan sehingga tarikh semakan seterusnya.
- Maklumkan kepada kami mengenai sebarang perubahan dalam butiran perhubungan anda.
- Perlindungan takaful adalah pilihan, namun, anda atau pembekal/pembeli anda dinasihatkan untuk melanggan sebarang perlindungan Takaful yang sesuai.
- Jika anda tidak memenuhi keperluan kredit minimum, kami mungkin memerlukan penjamin atau cagaran bagi membolehkan anda meneruskan permohonan.
- Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit telah ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan pengurusan kewangan, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstrukturan semula pinjaman secara percuma kepada individu / pemilik tunggal / perusahaan kecil dan sederhana.

Jika anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai produk kami, anda boleh:



Hubungi kami di
+603-26 900 900



Layari kami di
<https://www.bankislam.com>



E-mel kami melalui
contactcentre@bankislam.com.my

Perakuan Pelanggan

(Perakuan pelanggan ke atas PDS ini tidak akan menjejaskan hak merayu (redress) pelanggan jika berlaku pertikaian seterusnya mengenai terma dan syarat produk).

Pastikan anda mengisi sendiri bahagian ini dan mengetahui tujuan anda menurunkan tandatangan.

- Saya mengakui Bank Islam telah memberikan kepada saya salinan PDS.
- Saya telah membaca dan memahami maklumat penting yang terkandung dalam PDS ini.

 Nama:
 Tarikh: